

Malaysia kaji faedah dari Batam

6 MAR 1991

BATAM, Selasa — Malaysia akan mengkaji masalah, faedah dan bidang yang boleh disertainya, sebelum menandatangani Memorandum Persefahaman Kerjasama Melalui Konsep Pertumbuhan Segitiga Ekonomi Johor—Batam—Singapura.

Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~, berkata Kerajaan Pusat akan berbincang dan memutuskan mengenai kerjasama itu secepat mungkin.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat pembangunan di Pulau Batam di sini, hari ini, katanya, beberapa masalah termasuk di segi perundingan antara ketiga-tiga negara perlu diselesaikan sebelum kerjasama itu dapat dilaksanakan.

Menurutnya, Singapura dan Batam adalah pelabuhan bebas cukai dan beberapa peruntukan berkaitan perlu diselesaikan bagi memudahkan hubungan perdagangan antara Johor serta kedua-dua negara itu.

Perdana Menteri bagaimanapun, tidak menjelas lanjut mengenai perkara itu.

Konsep pertumbuhan segitiga ekonomi Johor—Batam—Singapura diilhamkan oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong, dua tahun lalu.

Memorandum Persefahaman mengenai kerjasama itu antara Singapura dan Indonesia ditandatangani awal tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita akan menandatangani memorandum itu secepat mungkin.

"Kita akan mengkaji bidang yang boleh Malaysia sertai sebelum ia ditandatangani."

Perkara itu akan dibincang dan diputuskan di peringkat Kerajaan Pusat kerana ia membabitkan hubungan antara negara.

"Apabila segala dasar mengenainya diputuskan, kita akan menyerahkannya kepada kerajaan tempatan (Johor) untuk mengambil alih pelaksanaannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara bidang yang boleh disertai oleh Malaysia melalui kerjasama itu ialah di segi pelaburan perindustrian dan pelancongan.

Selain itu, soal pengangkutan yang baik antara Batam dan Malaysia juga perlu diberi perhatian.

Menurutnya, ini bagi mengeratkan hubungan penduduk antara dua negara serta memudahkan mereka saling kunjung mengunjungi.

Ini adalah lawatan pertama Datuk Seri Dr Mahathir ke Pulau Batam sejak konsep pertumbuhan segitiga ekonomi diperkenalkan.